

Anwar bebas tentukan dasar luar dan ekonomi, dakwaan The Economist dangkal

Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin

Mohd Sani

bhrencana@bh.com.my



Profesor Politik dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Malaysia baharu sahaja menyambut Hari Kebangsaan Ke-67 dengan penuh kegembiraan dan kemasyhuran. Kali ini jelas terpancar sinar kegembiraan di riak wajah dan hati nurani rakyat.

Bukan mudah untuk nusa dan bangsa memperoleh serta mengecapi kemerdekaan ini. Yang lebih penting adalah bagaimana mengekalkan dan menjamin kemerdekaan Malaysia berterusan, lantas memastikan negara tercinta kekal berdaulat dan mengelak sebarang sahaja usaha mengganggu-gugat kedaulatan berkenaan.

Selain kemerdekaan fizikal kita peroleh setelah merdeka daripada penjajahan British, cabaran kita juga adalah untuk terus memerdekakan minda daripada pemikiran penjajah, kolot lagi ekstrem yang harus ditangani dalam usaha memastikan Malaysia terus aman dan sejahtera.

Setelah kita menjiwai hari kemerdekaan ini, timbul pula satu artikel terbitan majalah *Economist* bertajuk 'Why Does the West Back the Wrong Asian Leaders?', iaitu 'Kenapa Barat menyokong pemimpin Asia yang salah?'

Terbitan majalah ini mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dikatakan mendapat sokongan Barat sebelum ini, namun kita tidak lagi bersama Barat kerana mula menjalinkan hubungan baik dengan musuh Barat seperti Russia dan China serta secara terbuka berjumpa pemimpin Hamas yang terbunuh di Iran baru-baru ini, iaitu Ismail Haniyeh.

Anwar ditonjolkan sebagai pemimpin melupakan Barat dan sikap ini mengikut *Economist* bukanlah baharu kerana pemimpin Asia disokong Barat sebelum ini seperti Aung San Suu Kyi di Myanmar dan Joko Widodo (Jokowi) di Indonesia juga bertindak tidak lagi bersama negara Barat liberal setelah berada di tampuk pemerintahan.

Yang jelas pandangan *Economist* ini agak dangkal kerana beberapa sebab.

Pertama, siapakah Barat dimaksudkan. Barat adalah konsep bukan homogenous atau pelbagai dan tidak menerapkan hanya satu ideologi khusus seperti liberalisme.

Ramai juga yang mendokong Donald Trump di Amerika Syarikat (AS) adalah beraliran konservatisme. Kerajaan Buruh menguasai United Kingdom (UK) kini adalah beraliran moderat sosialisme. Banyak negara Scandinavia seperti Finland, Sweden dan Norway mengakui lebih ke arah komunitarianisme.

Jadi konsep Barat ini tiada kaitan dengan ideo-

logi. Ia lebih kepada satu konsep dicipta semasa Perang Dingin bagi membezakan kuasa paksi Barat diketuai AS yang berhadapan dengan Timur diketuai Soviet Union dan China.

Konsep Barat mengelirukan

Mengikut sejarawan, William H McNeill yang menjelaskan konsep Barat ini agak mengelirukan kerana mencakupi negara di benua Eropah Barat (tidak Timur), Amerika Utara (tidak Selatan) dan negara mengamalkan nilai Barat seperti Jepun serta Australia.

Yang pasti konsep Barat ini juga agak kabur yang interpretasinya masih mempunyai elemen pemikiran penjajah.

Kedua, Malaysia sebagai negara berdaulat, berhak menentukan hala tuju politik, sosioekonomi dan pentadbirannya mengikut acuan sendiri. Selain itu, Malaysia juga mengambil pendekatan hubungan antarabangsa bersahabat dengan sesiapa sahaja boleh membawa kebaikan kepada kepentingan nasionalnya.

Sekiranya Anwar hanya berbaik-baik dengan pihak AS dan Eropah Barat serta meminggirkan negara lain, ini jelas menjadikan Malaysia sebuah negara tidak berdaulat kerana akan dikuasai pemerintah hanya mengikut telunjuk Barat seperti apa disebut Frantz Fanon dalam bukunya, *Black Skin, White Masks* yang merujuk kepada apa berlaku di Algeria, iaitu orang kulit hitam tetapi berjiwa kulit putih. Ini bermaksud mindanya dikuasai pemikiran kulit putih penjajah Barat.

Kritikan diutarakan juga jelas tidak memahami perspektif politik di Malaysia, sebaliknya hanya dari perspektif Barat songsang. Misalnya, Anwar meneruskan pelaksanaan Akta Hasutan yang pernah

diperjuangkan beliau sendiri untuk dipinda dan digugurkan.

Yang pasti pendekatan politik Anwar adalah amat pragmatik yang Akta Hasutan kini sudah berlaku banyak pindaan. Kini tiada siapa akan dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan sekiranya mengkritik pemimpin negara.

Akta ini hanya dikenakan kepada pihak manipulasi kebebasan bersuara yang boleh menjadikan Malaysia, negara pelbagai kaum ini, tidak stabil seperti memainkan isu kaum, agama dan raja (3R).

Perlembagaan Persekutuan melindungi agama Islam seperti dalam Perkara 3; bahasa Melayu (Perkara 152); hak istimewa Melayu/Bumiputera (Perkara 153) dan institusi diraja (Perkara 181).

Ketiga, Malaysia juga mengamalkan pemerintahan menggalakkan pelaburan asing yang datang daripada pelbagai negara. Pelaburan daripada AS dan Kesatuan Eropah (EU) terus meningkat di samping Malaysia juga menerima pelaburan daripada China sebagai rakan dagangan terbesar negara, Jepun, Singapura, India dan Russia.

Keinginan Malaysia bekerjasama dalam BRICS juga mungkin dilihat penulis *Economist* ini sebagai meminggirkan negara Barat pernah menyokong pemimpin di Asia.

Anwar dan Malaysia mempunyai hak menyatakan pendirian negara untuk berkawan dengan sesiapa sahaja dan tidak memusuhi negara ingin bersahabat dengan Malaysia.

Namun, dalam isu Palestin, Anwar dengan lantang di pentas antarabangsa mengkritik sikap sebahagian negara bersekongkol dan mengiyakan tindakan penghapusan kaum dilakukan rejim apartheid Israel terhadap penduduk Palestin.

Malaysia tidak akan mengiktiraf Israel dan tidak kompromi terhadap kekejaman dilakukan Israel. Malah, pihak Barat sering melaungkan kebebasan dan hak asasi manusia, dilihat beretorik dan menagih prinsip ini apabila berhadapan dengan penghapusan kaum di Palestin.

Akhir sekali, kritikan diutarakan majalah *Economist* ini adalah tidak berasas sama sekali dan nakal. Tiada pemimpin negara Asia khususnya Malaysia mahu dan akan mengikut telunjuk mana-mana pihak seolah-olah negara Asia masih dijajah semula.

Jadi Malaysia termasuklah Indonesia disebut artikel berkenaan terus mengamalkan demokrasi sebagai asas pentadbiran, namun menolak apa juga cubaan untuk campurtangan dalam politik domestik negara masing-masing.

Sebagai kritikan akhir kepada artikel *Economist* itu, satu persoalan perlu ditanya, Barat ini berprinsipkah?

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“Sekiranya Anwar hanya berbaik-baik dengan AS dan Eropah Barat serta meminggirkan negara lain, ini jelas menjadikan Malaysia sebuah negara tidak berdaulat kerana akan dikuasai pemerintah hanya mengikut telunjuk Barat”